

PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI DAN POLITIK
DALAM KALANGAN ORANG CINA
DI DAERAH BAU DAN BANDAR KUCHING
SEJAK 1840 HINGGA 1947

LEE TECK CHOO

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2008

PENGAKUAN

Saya akui tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Disember 2008

LEE TECK CHOO
S-OM0138/03

PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI DAN POLITIK DALAM KALANGAN
ORANG CINA DI DAERAH BAU DAN BANDAR KUCHING
SEJAK 1840 HINGGA 1947

LEE TECK CHOO



Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

PENGHARGAAN

Penghargaan penulis yang setinggi-tingginya kepada penyelia utama Profesor Madya Dr. Hj.Ahmad Jelani Halimi dan penyelia bersama Dr. Abdul Rahman Haji Abdullah dan Dr. Azmah Manaf yang telah menyelia penulis dengan bersungguh-sungguh. Atas bimbingan mereka bertiga penulis telah boleh menulis dan menyelesaikan tesis ini.

Terima kasih penulis ucapkan kepada Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia yang telah memberikan kemudahan fasilitet berupa bilik pengajian dan satu unit komputer, elektrik dan alat penyaman udara. Kesemua kemudahan itu telah penulis manfaatkan sebaik-baiknya dan sangat menyokong dalam usaha penulis menyelesaikan tugas ini.

Terima kasih juga penulis ucapkan kepada perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Muzium Sarawak, Arkib Negara Malaysia cawangan Sarawak, Perpustakaan Majlis Daerah Bau, Pusat Kegiatan Guru Daerah Bau dan sebagainya.

Yang terakhir penulis juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang penulis lakukan temu bual. Temu bual itu sangat berguna untuk melengkap sumber tertulis dan juga telah sangat menyokong penulis bagi menyelesaikan tesis ini.

KATA PENGANTAR

Tesis yang bertajuk *PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI DAN POLITIK DALAM KALANGAN ORANG CINA DI DAERAH BAU DAN BANDAR KUCHING SEJAK 1840 HINGGA 1947* ialah sebuah tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera kepada Universiti Sains Malaysia.

Kajian ini melihat dengan terperinci penglibatan dan sumbangan orang Cina dalam pembangunan Daerah Bau dan Bandar Kuching dari segi sosioekonomi dan politik. Selain itu, kajian ini juga meneliti penempatan awal orang Cina di *Mau San*. Sebelum kedatangan James Brooke, orang Cina telah mengerjakan lombong emas di Bau. Pada masa itu, Bau telah menjadi pusat penempatan orang Cina dan ditadbir oleh Kongsi Dua Belas. Pekan Bau berkembang menjadi sebuah pekan yang membangun dengan pesat dan mempunyai bilangan penduduk lebih kurang 4,000 hingga 5,000 orang. Pertambahan kekuatan dan kekuasaan kongsi gelap di Bau telah membolehkan kongsi melancarkan serangan ke atas pentadbiran Brooke di Bandar Kuching pada tahun 1857. Serangan ini dilancarkan kerana pentadbiran Brooke di Bandar Kuching telah mengenakan berbagai-bagai tekanan dan sekatan ke atas kongsi di Bau yang telah mengancam kepentingan kongsi itu. Oleh itu serangan itu adalah untuk mendapat balik kebebasan yang dinikmati sebelum ini.

Kajian ini juga mendapati selepas kegagalan serangan itu, telah memberi peluang kepada orang Eropah dan orang Cina di Kuching yang mempunyai kerjasama dan hubungan erat untuk memperluaskan kekuasaan ekonomi mereka di Bau. Mereka memonopoli lombong emas dan aktiviti ekonomi di Bau. Selepas pentadbiran autonomi kongsi di Bau dimusnahkan dalam serangan Rajah, masyarakat Cina di Bau terbahagi kepada dua kumpulan penduduk iaitu penduduk bazar dan penduduk luar

bazar. Kebanyakan penduduk Cina luar bazar bekerja sebagai buruh, penanam atau pekebun. Penduduk bazar pula menjadi ahli peniaga. Kedua-dua penduduk kawasan ini saling bergantung di antara satu dengan lain dari aspek ekonomi. Kawasan pedalaman bergantung kepada kawasan bazar untuk pengagihan barangan import. Kawasan bazar bergantung kepada kawasan pedalaman untuk kerja pengumpulan hasil pertanian tanaman kontan. Dengan hubungan ini telah menjadikan Kuching sebuah bandar yang pesat membangun kerana hasil pertanian kontan dan emas dieksport melalui Kuching. Secara tidak langsung, Kuching berkembang menjadi sebuah pusat perdagangan dan pentadbiran.

Selain itu, kerajaan Brooke menggalakkan kemasukan imigran Cina ke Bandar Kuching dan tempat-tempat lain di Sarawak telah memperbaiki ekonomi di Bandar Kuching dan kawasan sekitarnya terutamanya Bau yang berdekatan dengan Kuching. Perkara ini dapat dilihat pada penghujung tahun 1880an, sebuah Bandar Kuching yang terancang dengan baik telah didirikan dan dilengkapi dengan jalan raya, bangunan yang baik dan pasukan polis. Pada tahun 1939, bandar ini mempunyai penduduk seramai 34,500 dan 55% daripadanya adalah orang Cina. Di Bandar Kuching inilah orang Cina telah bergiat dalam pelbagai kegiatan seperti dalam bidang ekonomi, sosial dan politik.

Bazar Bau yang pernah merupakan sebuah penempatan orang Cina yang maju dan ditadbir oleh sistem kongsi telah ditenggelami oleh dasar imperialisme kuasa Barat (kerajaan Brooke). Selain itu, peristiwa-peristiwa seperti kebakaran dan banjir yang pernah berlaku di Bazar Bau telah mengurangkan penduduknya. Kebanyakan penduduk Bau telah mula berhijrah ke kawasan lain di Sarawak. Hasil pertanian dan perlombongan dikuasai oleh orang Eropah dan pedagang dari Kuching, ini menyebabkan Bazar Bau berada di bawah naungan Kuching.

KANDUNGAN

<i>Penghargaan</i>	iv
<i>Kata Pengantar</i>	v
<i>Kandungan</i>	vii
<i>Senarai Jadual</i>	xii
<i>Kependekan</i>	xv
<i>Abstrak</i>	xvi
<i>Abstract</i>	xvii

BAB 1. PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Masalah	2
1.2 Penyataan Masalah	7
1.3 Tinjauan Kajian Terdahulu	8
1.4 Tujuan Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Skop Kajian	13
1.7 Organisasi Kajian	15
1.8 Kaedah Penyelidikan dan Prosedur	16

BAB 2. HUBUNGAN ORANG CINA DENGAN BORNEO DAN SARAWAK

2.1 Catatan China	20
2.2 Catatan Barat	21

2.3	Penempatan Awal Masyarakat Cina di Kalimantan Barat	22
2.4	Ringkasan Sejarah Awal Sarawak	26
2.5	Asal-usul Sarawak dan Bau	34
2.6	Demografi dan Latar Belakang Masyarakat	41
2.7	Sejarah Penubuhan Pekan Bau (<i>Mau San</i>) dan Bandar Kuching	44

**BAB 3. IMIGRASI ORANG CINA KE SARAWAK SEJAK ABAD KE-19
HINGGA ABAD KE-20** **52**

3.1	Galakan Migrasi Orang Cina semasa Pemerintahan Charles Brooke	57
3.1.1	Imigrasi yang Direkrut oleh Kerajaan	57
3.1.2	Imigrasi Bebas	61
3.1.3	Imigrasi Berkumpulan	66
3.2	Masyarakat Cina di Sarawak Secara Umum	69
3.2.1	Kumpulan Dialek Cina	69
3.2.1.1	Hakka	71
3.2.1.2	Foochow	74
3.2.1.3	Hokkien	74
3.2.1.4	Teochew	75
3.2.1.5	Chao-ann (Chawan)	75
3.2.1.6	Kantonis	76
3.2.1.7	Hainan	76
3.2.1.8	Kumpulan Dialek lain	76
3.2.2	Jumlah Penduduk dan Pertumbuhan Penduduk	77

3.2.3	Penduduk Cina di Daerah Bau dan Bandar Kuching	79
 BAB 4. PEMBERONTAKAN ORANG CINA 1857		86
4.1	Orang Hakka dan Kongsi Dua Belas dalam sejarah kongsi di Kalimantan Barat	88
4.2	Pengasasan Pentadbiran Kongsi Dua Belas di <i>Mau San</i> , Bau	96
4.3	Sebab Utama Pemberontakan	120
4.4	Serangan Pelombong Cina	134
4.5	Tindak Balas Kerajaan Brooke	140
4.6	Sebab Kegagalan Pemberontakan	145
4.7	Kesan Pemberontakan Orang Cina	147
4.8	Ketua Pemberontakan Orang Cina - Liu Shan Bang	153
 BAB 5. KEGIATAN EKONOMI ORANG CINA DI BAZAR BAU DAN BANDAR KUCHING 1841-1941		156
5.1	Struktur Ekonomi Masyarakat Cina	157
5.2	Kegiatan Ekonomi Orang Cina di Bau	160
5.2.1	Pemulihan Perlombongan Kongsi	161
5.2.2	Orang-orang Hakka dan Syarikat Borneo	164
5.2.3	Peralihan kepada Pertanian	174
5.2.4	Sistem Kredit dan Ekonomi Luar Bandar	195
5.2.5	Penglibatan Masyarakat Cina dalam memperkembangkan ekonomi di Bandar Kuching	197

5.3	Kegiatan Ekonomi Bandar Kuching	200
5.4	Perdagangan Eksport dan Import di Bandar Kuching	203
	5.4.1 Perdagangan Eksport Getah	204
	5.4.2 Perdagangan Import Barangan Runcit	207
5.5	Sebab-sebab Kejayaan Orang Cina	212
	5.5.1 Faktor Dalaman	212
	5.5.2 Faktor Luaran	216
5.6	Sumbangan Orang Cina kepada Pembangunan Bandar Kuching dan Kerajaan Brooke	218

BAB 6. KESAN-KESAN SOSIAL KEHADIRAN ORANG CINA KE ATAS

	DAERAH BAU DAN BANDAR KUCHING: 1840-1947	225
6.1	Struktur Sosial Masyarakat Orang Cina	226
6.2	Pembentukan Persatuan Orang Cina	227
	6.2.1 Kongsi gelap yang Mengancam Keamanan	228
	6.2.2 Persatuan Cina yang Tidak Mengancam Keamanan	229
6.3	Pembentukan Sekolah Orang Cina di Daerah Bau	234
	6.3.1 Ciri-ciri Pendidikan <i>Sishu</i>	239
	6.3.2 <i>Sishu</i> atau <i>Xue Tang</i> di Daerah Bau	243
	6.3.3 Perkembangan Sekolah Cina di Daerah Bau Pada Tahun 1900-an	248
6.4	Pendidikan Cina dan Pendidikan Mubaligh Kristian di Bandar Kuching	255

BAB 7. POLITIK ORANG CINA DI BANDAR KUCHING DAN BAU :	
1841-1947	263
7.1 Pentadbiran Orang Cina di Bau: 1840-1857	264
7.2 Pentadbiran Orang Cina di Bandar Kuching : 1840an-1941	266
7.2.1 Pemimpin Awal Masyarakat Cina di Bandar Kuching	267
7.2.2 Struktur Kepimpinan Masyarakat Cina di Bandar Kuching dan Bau	269
7.2.3 Sistem Pentadbiran Secara Tidak Langsung di Bandar Kuching	270
7.3 Mahkamah Orang Cina di Bandar Kuching (1912-1921)	272
7.3.1 Ong Tiang Swee	274
7.3.2 Wee Kheng Chiang	275
7.4 Reaksi Orang Cina di Bandar Kuching Terhadap Pendudukan Jepun di Negara China	278
7.5 Politik Orang Cina Selepas Perang Dunia Kedua (1945)	279
BAB 8. KESIMPULAN	281
SENARAI RUJUKAN	291
LAMPIRAN-LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Tajuk	Perkara	Muka Surat
Jadual 2.1	: Daerah dan Sub Daerah di Bahagian Pertama Pada Tahun 1947.....	36
Jadual 2.2	: Bazar utama dan Daerah dalam Bahagian Pertama.....	37
Jadual 2.3	: Pembahagian Penduduk di Daerah Bau Pada Tahun 1980.....	42
Jadual 2.4	: Bilangan Rumah tangga dan Penduduk Mengikut Kawasan di Daerah Bau Pada Tahun 1984.....	43
Jadual 3.5	: Penduduk Cina Mengikut Daerah Antara Tahun 1936-1960.....	55
Jadual 3.6	: Imigrasi dan Emigrasi Orang Cina Di Kuching dan Sibu Antara Tahun 1930 Hingga 1937.....	56
Jadual 3.7	: Bilangan Imigran Cina ke Sarawak Sejak Tahun 1887 Hingga Tahun 1914	60
Jadual 3.8	: Bilangan Penduduk Cina Mengikut Kumpulan Dialek di Bahagian Pertama Pada Tahun 1947.....	65
Jadual 3.9	: Bilangan Penduduk Cina Mengikut Kumpulan Dialek Masing-Masing Pada Tahun 1960	70
Jadual 3.10	: Pertumbuhan Penduduk Cina Sarawak Antara Tahun 1841-1960	78
Jadual 3.11	: Bilangan Penduduk Cina di Bahagian Pertama Pada Tahun 1960.	79
Jadual 3.12	: Bilangan Penduduk Cina di Sarawak (kumpulan dialek) Berdasarkan Bancian Tahun 1947	82
Jadual 3.13	: Jumlah Penduduk Mengikut Banci Daerah dan Komuniti di Bahagian Pertama Pada Tahun 1960.....	84
Jadual 5.14	: Kumpulan Kaum dan Kumpulan Dialek Mengikut Kumpulan Umur di Bau	175

Jadual 5.15 :	Klasifikasi Mengikut Industri dan Pekerjaan di Bahagian Pertama, Sarawak Pada Tahun 1947.....	178-180
Jadual 5.16 :	Bilangan Kebun Lada Baru yang Didaftarkan dari Tahun 1903 Hingga 1907.....	186
Jadual 5.17:	Bilangan pokok lada dan getah berserta kebun getah yang didaftarkan pada tahun 1910-1912 di Paku dan Bau.....	186
Jadual 5.18 :	Industri-industri yang terdapat di Bahagian Kuching Pada Tahun 1947 dan 1960	190
Jadual 5.19 :	Jumlah Kebun Gambir dan Lada Orang Cina di Sekitar Bandar Kuching (1880).....	220
Jadual 5.20 :	Sumbangan Eksport Gambir dan Lada Kepada Pentadbiran Brooke : 1875-1887	220
Jadual 5.21 :	Sumbangan Bahan Mentah kepada Kerajaan Brooke di Bandar Kuching : 1870-1917	221
Jadual 5.22 :	Sumbangan Syarikat Ganja, Perjudian, Arak dan Gadai Kepada Hasil Pendapatan Kerajaan Brooke 1873-1896	222
Jadual 6.23 :	Sekolah-Sekolah Cina di Bandar Kuching Semasa Pemerintahan Brooke.....	257
Jadual 7.24 :	Pemimpin Awal Masyarakat Cina di Bandar Kuching Pada Pertengahan abad Ke-19 dan Awal abad ke-20	268

SENARAI PETA, RAJAH DAN GAMBAR

Tajuk	Perkara	Muka Surat
--------------	----------------	-------------------

PETA

Peta 2.1 :	Lokasi Bau di Bahagian Kuching.....	38
Peta 3.2 :	Daerah-Daerah di Kwangtung dan Fukien yang menunjukkan tempat asal kumpulan dialek yang berbeza	71

RAJAH

Rajah 5.1 :	Saling Hubungan Aktiviti Ekonomi Di Sarawak.....	194
Rajah 5.2 :	Struktur Urus niaga Perdagangan Getah.....	205
Rajah 5.3 :	Dialek dan Status Ekonomi.....	205

GAMBAR

Gambar 4.1 :	Tiang Bendera Kongsi	144
--------------	----------------------------	-----

KEPENDEKAN

- ASPA - *Ancient Sarawak Political- Cultural Area*
- SMJ - *Sarawak Museum Journal*
- SG - *Sarawak Gazette*
- SA - *Sarawak Archives*
- JMBRAS - *Journal of the Malaysian Branch Royal Asiatic Society*

PERKEMBANGAN SOSIOEKONOMI DAN POLITIK DALAM KALANGAN
ORANG CINA DI DAERAH BAU DAN BANDAR KUCHING
SEJAK 1840 HINGGA 1947

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji tentang sejarah sosioekonomi dan politik orang Cina di Bahagian Kuching yang memberi tumpuan kepada peranan orang Cina dalam pembangunan Daerah Bau sejak zaman pemerintahan Kesultanan Brunei hingga Dinasti Brooke. Ia memberi fokus utama kepada pembangunan Daerah Bau yang dicapai oleh orang-orang Cina yang telah membawa kemajuan ekonomi kepada bandar Kuching. Tesis ini juga membincangkan tentang sumbangan orang Cina terhadap kemajuan di Bandar Kuching.

Kajian ini mendapati bahawa penghijrahan orang-orang Cina dari Sambas, Kalimantan ke Bau yang bergiat dalam sektor pertanian dan perlombongan emas pada tahun 1840-an merupakan titik permulaan kegiatan ekonomi dan perkembangan ekonomi di Daerah Bau. Perkembangan ekonomi yang pesat di Bau telah menyebabkan kerajaan Brooke melaksanakan pelbagai dasar ke atas masyarakat Cina di Bau yang akhirnya mencetuskan peristiwa Pemberontakan Orang Cina 1857 yang mewarnai sejarah Sarawak. Peristiwa ini telah membawa campur tangan orang Cina Kuching dalam kegiatan ekonomi di Daerah Bau. Hubungan saling bergantung telah memperkembangkan ekonomi di Kuching. Kajian ini juga meninjau bagaimana sebuah bazar dapat membangun menjadi sebuah pusat perdagangan dan menjadi tempat tumpuan para pedagang. Seterusnya, penulis membincangkan peranan yang dimainkan oleh orang Cina dalam pembangunan sosioekonomi dan politik Bandar Kuching dan Daerah Bau.

SOCIO-ECONOMY AND POLITIC OF THE CHIENSE IN BAU DISTRICT AND KUCHING TOWN SINCE 1840 TO 1947

ABSTRACT

This thesis is a study on the socio-economic and political history of Kuching Division. The focus is on the role of the Chinese in the development of the Bau District from the Brunei Sultanate era until the Brooke Dynasty. The main focus of this thesis is on the development of Bau District achieved by the Chinese which brought about the development of the town of Kuching. This thesis also examines the contribution of the Chinese towards the development of Kuching Town.

This study had found out that the migration of the Chinese from Sambas, Kalimantan to Bau activated the agriculture and gold mining sector in 1840. This was the starting point for the development of economic activities in the Bau District. The rapid growth of the economy of Bau caused Brooke's government to implement various policies onto the Chinese society in Bau. This finally caused the Chinese to rise. The Chinese Rebellion broke out in 1857 and had colored the history of Sarawak. Thus, the Chinese in Kuching began to involve themselves in the economic activities in Bau District. The inter-dependent relationship developed the economic activities in Kuching. This study also explored how a bazaar was able to become the center of commerce and trade for merchants. It also discussed the role of the Chinese in the socio-economic and political development of Kuching Town.

BAB SATU

PENGENALAN

Berbanding sejarah kebangsaan, sejarah tempatan merangkumi asal-usul dan ciri-ciri masyarakat tempatan termasuk peristiwa serta tokoh tempatan. Di Barat, sejarah tempatan baik sebuah pekan kecil atau bandar besar didokumentasikan dalam bentuk buku supaya setiap peristiwa silam walaupun berlaku beratus-ratus tahun dahulu dapat dirasakan sehingga kini. Walaupun usaha-usaha memberi nafas kepada peristiwa lalu giat dijalankan oleh Muzium Negeri dan Arkib Negara Malaysia, usaha ini belum menyentuh peristiwa-peristiwa di peringkat daerah atau tempatan. Hanya peristiwa besar dan tokoh besar ditonjolkan serta didokumentasikan sementara peristiwa kecil atau tokoh tempatan diabaikan seperti kata seorang sejarawan tempatan,

“Among the local historians too there was no realization of the need to provide a broader perspective of Malay history. Many continued to write parochial state history with the conception emphasis on rulers and great men...”¹

Untuk memahami sesebuah masyarakat dengan lebih mendalam, masyarakat di peringkat daerah perlu diberi perhatian. Bagi penduduk tempatan memang terdapat satu pandangan yang khusus dan tersendiri berkenaan mereka atau dunia luar.

¹ Petikan dalam Khoo Kay Kim, (1991). *Malay Society; Transformation and Democratisation*. Petaling Jaya : Pelanduk, h.280-290.

1.1 Latar Belakang Masalah

Bau merupakan salah satu daripada 28 daerah yang terdapat di Sarawak. Daerah Bau terletak di dalam Bahagian Kuching, kira-kira 35 kilometer mengikut jalan raya dari Kuching. Daerah Bau mempunyai keluasan 884.40 kilometer persegi. Ia bersempadan dengan Kalimantan Barat, Indonesia. Bandar utama Daerah Bau ialah Bazar Bau atau Pekan Bau

Berdasarkan sumber dari Northam (1975) “klasifikasi petempatan berasaskan saiz penduduk”, penduduk dalam bandar sederhana adalah dalam lingkungan 25,000-100,000 orang.² Berdasarkan banci penduduk pada tahun 1998, penduduk di Daerah Bau telah mencapai 47,293 orang. Oleh itu, Bau boleh diklasifikasikan sebagai bandar sederhana.

Menurut James C. Jackson, selain daripada tujuh buah bandar di Sarawak terdapat juga beberapa buah pusat atau kampung yang agak besar. Biasanya kampung-kampung itu dikenali sebagai bazar oleh penduduk tempatan. Seperti bandar-bandar yang besar, kampung-kampung ini menjadi pusat pentadbiran tempatan dan memberi pelbagai jenis perkhidmatan kepada kawasan luar bandar di sekelilingnya.³

Bandar tidak ditubuhkan di sesuatu tempat itu dengan begitu sahaja dan biasanya ia dibina di tapak yang sesuai. Tapak merujuk kepada bentuk-bentuk persekitaran setempat di mana petempatan-petempatan didirikan dan berkembang. Keadaan awal sesuatu tapak bandar itu diubahsuai oleh kegiatan manusia. Bazar Bau

² Yahaya Ibrahim, (1985). *Pembangunan dan Kejiranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 27.

³ James C. Jackson, (1976). *SARAWAK- Satu kajian ilmu alam tentang sebuah negeri yang sedang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 61.

merupakan sebuah bandar sederhana yang ditubuhkan oleh pelombong-pelombong Cina dari Sambas, Indonesia pada awal abad ke-19.

Penghijrahan pelombong ini telah membawa kepada pembukaan bazar dan syarikat Kongsi Dua Belas di *Mau San*.⁴ Dengan kedatangan pelombong ini juga telah membawa kemajuan dan kemakmuran kepada tempat ini. Ini bersesuaian dengan keadaan yang berubah dengan peredaran masa sesuai dengan perkembangan tempat dan perkembangan kegiatan baru di bandar.⁵

Di samping itu, bandar adalah satu ciptaan yang menunjukkan pengaruh manusia ke atas alam semula jadi. Bandar juga merupakan tempat di mana manusia telah banyak mengubah sumber tanah, air, organisma dan udara. Dengan kemasukan pelombong Cina dari Sambas itu telah mengubah kawasan itu menjadi kawasan perlombongan yang telah membawa kemakmuran kepada kawasan sekelilingnya.

Menurut Thomas, sesetengah bandar dibina berhampiran dengan kawasan sumber galian atau di kawasan sumber itu sendiri. Bandar-bandar tersebut selalunya tidak kekal, ia berkembang pesat ketika pengeluaran galian dijalankan dan ditinggalkan apabila galian telah habis. Bandar tersebut seperti Virginia City, Deadwood, Dawson dan Eldora, sekarang tidak lagi begitu makmur dan terpaksa bergantung kepada pendapatan yang diperoleh daripada pelancongan.⁶ Contoh di Malaysia seperti Papan dan Tronoh di Lembah Kinta (Perak), Bukit Beri di Dungun (Terengganu) dan sebagainya. Keadaan ini juga berlaku di Daerah Bau, Bazar Bau adalah salah satu contohnya.

Pada awal abad ke-19, Bazar Bau terkenal dengan aktiviti perlombongan, kini menjadi tanah bekas lombong. Walaupun tidak lagi makmur tetapi Bazar Bau

⁴ Kini dikenali sebagai Bau Lama.

⁵ Yahaya Ibrahim, *op.cit.*, h.1.

⁶ Thomas R. Detwyler & Melvin G. Marcus, (1985). *Pemandaran dan Persekitaran – Geografi Fizikal Bandar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33.

tetap wujud. Terdapat beberapa jenis penggunaan tanah bekas lombong, salah satunya ialah dijadikan tempat rekreasi. Tapak Tai Parit⁷ yang besar, kini dikenali sebagai Tasik Biru. Tasik ini dijadikan sebagai salah satu tempat pelancongan yang menarik di Sarawak.

Bazar Bau bukan sahaja dikunjungi oleh pelancong, tetapi juga menjadi pusat pentadbiran tempatan dan memberi pelbagai jenis perkhidmatan kepada kawasan luar bandar di sekelilingnya. Di Daerah Bau terdapat 53 buah kampung Bidayah, 9 buah kampung Melayu dan 44 buah penempatan orang Cina. Penduduknya mencapai 47,293 orang. Ini membuktikan Daerah Bau dihuni oleh masyarakat pelbagai kaum dan bahasa.

Secara umumnya, penghuni Daerah Bau dapat diklasifikasikan kepada 2 kelompok. Kelompok pertama adalah mereka yang menghuni kawasan-kawasan pesisir sungai seperti orang Melayu. Kelompok kedua adalah masyarakat yang menduduki bahagian tanah pamah seperti orang Cina. Selain itu, wujud juga masyarakat yang menduduki kawasan pedalaman yang masih mengekalkan serta mengamalkan kehidupan secara mudah (*simple society*) seperti orang Dayak Darat (Bidayuh).⁸ Keadaan ini adalah dipengaruhi oleh faktor alam seperti banjaran gunung, lembah sungai dan lurah yang dalam. Faktor-faktor alam terutamanya sungai yang panjang dan deras arusnya mempengaruhi corak penempatan dan kebudayaan penduduk Daerah Bau.

⁷ Tanah bekas lombong. Dikenali sebagai Tai Parit kerana tanah yang mengandungi emas dicangkul, semakin hari semakin lebar dan besar tapak lombong itu. Oleh itu, pelombong emas menggelar tapak tersebut sebagai *Tai Parit*. Dalam bahasa Cina, *Tai* bererti besar, *Parit* bererti parit yang dicangkul.

⁸ Abdullah Zakaria Ghazali, Azharudin Mohd Dali, Azhar Mad. Aros, Suffian Mansor, (2000). *Sejarah Asia Tenggara, Asia Selatan Dan Asia Timur 1800-1960*. Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, h. 4.

Selain itu, perhubungan yang sukar dan kawasan yang luas telah memisahkan penduduk satu tempat dengan satu tempat yang lain. Perkara ini telah menyebabkan kurangnya hubungan dan pergaulan di antara kelompok-kelompok masyarakat yang tinggal di kawasan itu. Oleh sebab itu, setiap kelompok membentuk identiti kebudayaannya sendiri mengikut keadaan alam sekeliling mereka.

Di sepanjang Sungai Sarawak terdapat pekan kecil seperti Lidah Tanah, Kranji, Siniawan, Buso, Tondong dan Pekan Bau. Pekan-pekan ini berfungsi sebagai pengumpul hasil tanaman dan hutan. Selain itu, pekan juga membekalkan barangan keperluan harian dan kredit kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasannya. Di kawasan hulu sungai terdapat tanah tinggi yang didiami oleh penduduk asli dari kaum Bidayuh (Dayak Darat). Sungai Sarawak Kanan pernah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan penduduk tempatan pada awal abad ke-19. Kini peranannya tidak dipentingkan lagi kerana jalan raya terbuka luas di sekitar Daerah Bau. Peranan pekan kecil yang terletak di tepi sungai tersebut telah diambil alih oleh Bandar Kuching kerana kemudahan jalan raya memudahkan orang ramai menjalankan urusan niaga di Bandar Kuching.

Sejarah Daerah Bau adalah sejarah apa yang manusia telah lakukan di daerah ini.⁹ Satu perkara yang tidak dapat dipisahkan dalam sejarah Daerah Bau pada awal abad ke-19 dan pertengahan abad ke-20 ialah semangat membebaskan masyarakat dari pemerintahan Rajah Brooke. Pihak British menganggap James Brooke dan Charles Brooke adalah manusia agung pada zaman pemerintahan mereka kerana merekalah yang membentuk sistem pemerintahan yang teratur di Sarawak. Pejuang-pejuang kebangsaan seperti Datu Patinggi Ali, Liu Shan Bang dan Orang

⁹ Raja Mohd. Affandi, (1982). *Tokoh-tokoh Melayu yang Agung Dalam Sejarah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.2.

Kaya Pemanca Panglima Kulow dianggap penderhaka kerana menentang sistem pemerintahan itu. Kemunculan pejuang-pejuang kebangsaan ini disebabkan oleh orang Inggeris mengancam keharmonian masyarakat mereka. Namun demikian, mereka disanjung sebagai pemimpin agung oleh masyarakat masing-masing. Tetapi mereka bukan merupakan fokus utama dalam kajian ini.

Kajian ini memberi fokus utama kepada pemberontakan yang dipimpin oleh Liu Shan Bang. Alasannya ialah pemimpin tersebut telah melancarkan pemberontakan yang amat hebat terhadap pihak penjajah serta memberi impak yang amat besar kepada sejarah Daerah Bau. Selain pemberontakan, sejarah Daerah Bau juga banyak diwarnai oleh penempatan dan peranan orang Cina Hakka. Kegiatan melombong yang dijalankan oleh orang Cina Hakka sejak awal abad ke-19 merupakan kegiatan ekonomi yang utama di Daerah Bau. Sumbangan mereka terhadap pembangunan Daerah Bau dan Bandar Kuching dari berbagai aspek dilihat apabila membuat kajian mengenainya.

Masalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian ini ialah data dan maklumat yang diperlukan berselerak di sana-sini kerana belum ada kajian yang khusus dan terperinci pernah dibuat berkaitan dengan tajuk kajian. Selain itu, segala data dan maklumat yang diperoleh perlu dinilai dan ditapis terlebih dahulu untuk memastikan kesahihan dan kebenarannya. Perkara ini adalah kerana sumber sejarah Daerah Bau pada abad ke-19 tidak dicatatkan. Seandainya terdapat bahan catatan, ia juga telah dimusnahkan oleh James Brooke pada tahun 1857. Walau bagaimanapun, masalah tersebut dapat diatasi secara beransur-ansur apabila maklumat yang diperlukan dapat diperoleh dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan, temu bual dan kerja lapangan.

1.2 Penyataan Masalah

Hingga ke hari ini tidak diketahui dengan tepat bagaimana dan bila Daerah Bau diduduki dan siapa yang menerokainya. Begitu juga dengan sebab tercetusnya pemberontakan sebelum dan selepas tahun 1857. Kebanyakan pengkaji tidak menyatakan secara terperinci tentang masalah ini dan masih kurang diketengahkan. Biasanya ia disebut secara sepintas lalu. Menurut M.G. Dickson,

*“ ...there are many old stories and writings about the Chinese coming to Sarawak long ago. When the first Rajah come to Sarawak...there were working in the Upper Sarawak River, mining gold.”*¹⁰

Masalah seterusnya ialah tentang pekan kecil yang terdapat di sepanjang Sungai Sarawak Kanan. Pekan-pekan ini telah memainkan peranan penting dari segi ekonomi sejarah Daerah Bau, selalunya ia diabaikan oleh pengkaji. Oleh itu, kajian secara terperinci akan dilakukan.

Selain daripada itu, wujud juga masalah tentang taburan penduduk Cina di Daerah Bau. Orang-orang Cina Hakka (Sambas) mula-mula sekali berpindah dari Kalimantan Barat menuju ke utara, kemudian apabila James Brooke sampai pada tahun 1839, mereka sudah pun bertumpu beramai-ramai di kawasan yang mula-mula sekali dijadikan pusat kawasan Beraja di Sarawak. Pada hari ini, sebahagian besar puak Hakka bertumpu dalam Bahagian Kuching terutama dalam Daerah Bau.¹¹ Sumbangan mereka terhadap pembangunan Bazar Bau tidak dapat diperkecilkan.

Walaupun Sejarah Sarawak merupakan sejarah tempatan yang popular di kalangan pengkaji dalam dan luar negara, namun kajian sejarah Daerah Bau masih berkurangan. Penulisan ini dilakukan kerana kekurangan kajian khusus mengenai

¹⁰ Dickson, M.G., (1962). *Sarawak And Its People*. Kuching: Borneo Literature Bureau, h. 107.

¹¹ James C. Jackson, *op.cit.*, h. 42.

masyarakat Cina di Daerah Bau. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan harapan akan menambah penulisan yang menyentuh peranan dan sumbangan orang Cina Hakka dalam pembangunan ekonomi di Daerah Bau, terutamanya pada zaman pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak.

Di samping itu, kewajaran memilih Daerah Bau ini adalah kerana Daerah Bau merupakan salah sebuah daerah yang terawal ditubuhkan. Sebelum kedatangan Brooke, dari Tanjung Datu ke Tanjung Kidurong (Miri) adalah wilayah Kesultanan Brunei. Pada 24 September 1841, Sarawak diserahkan kepada James Brooke. Daerah Bau yang dahulunya dikenali sebagai *Upper Sarawak* terletak di hulu Sungai Sarawak Kanan dalam Bahagian Sarawak pada ketika itu merupakan kawasan yang padat diduduki oleh penduduk orang Cina Hakka yang bekerja sebagai pelombong emas. Sepanjang zaman pemerintahan Brooke di Daerah Bau, orang Cina telah memainkan peranan penting dalam pembangunan Pekan Bau dan seterusnya Bandar Kuching. Sehingga kini, Bandar Kuching kekal menjadi bandar utama di Sarawak. Oleh itu, penulis ingin mengkaji kegiatan dan sumbangan awal masyarakat Cina kepada pembangunan Bazar Bau dan Bandar Kuching.

1.3 Tinjauan Kajian Terdahulu

Kajian ini menumpukan perhatian kepada sejarah Daerah Bau yang bermula dari abad ke-18 hingga abad ke-19 dengan tumpuan kepada aspek sejarah sosioekonomi Bazar Bau. Kajian tentang sejarah Bau dilakukan oleh para sarjana dan sejarawan dari dalam dan luar negara tetapi mereka menulis tentang perihal-perihal peristiwa yang pernah berlaku di Daerah Bau. Setakat yang diketahui, kajian secara langsung dan menyeluruh tentang Daerah Bau belum ada. Penulis-penulis yang

menulis Sejarah Bau adalah seperti Liu Pak Kui, Chang Pat Foh, Paul Yong dan beberapa orang lagi. Mereka lebih memberi tumpuan kepada peristiwa Pemberontakan Orang Cina 1857.

Liu Pak Kui menumpukan perhatian kepada asal-usul ketua pemberontakan - Liu Shan Bang dan Kongsi Dua Belas yang ditubuhkan di *Mau San*. Chang Pat Foh pula lebih menumpukan kepada sejarah Daerah Bau pada tahun 1980-an. Begitu juga dengan Paul Yong, lebih memberi penekanan kepada penempatan awal orang Cina di *Mau San* dan peristiwa Pemberontakan Orang Cina 1857.

Selain itu, terdapat penulis sejarah yang menulis tentang orang Cina di Daerah Bau seperti Daniel Chiew, John M.Chin, T'ien Ju Kang, dan Craig A. Lockard. Penulis-penulis ini lebih menumpukan kepada sejarah Orang Cina di Sarawak. Bagi sejarah Bau, ia hanya merupakan sebahagian kecil daripada kajian mereka dan penekanan lebih diberikan kepada penempatan awal orang Cina di *Mau San* dan kegiatan Kongsi Dua Belas.

Ramai penulis yang pernah menulis tentang peristiwa Pemberontakan Orang Cina 1857 di Bau, akan tetapi tidak banyak penulis yang menulis keadaan-keadaan yang berlaku sebelum pemberontakan itu. Kebanyakan penulis menumpukan kepada peristiwa semasa pemberontakan seperti S. Baring-Gould (1909) dan John M. Chin, (1981). Keadaan seperti ini diutamakan oleh penulis kerajaan Brooke atau pegawai kerajaan yang bertugas. Perkara ini mungkin disebabkan oleh kekurangan bahan dan masalah penterjemahan terhadap sejarah. Penulis sejarah pada masa itu perlu mengutamakan sumber sejarah yang dapat membawa kepentingan kepada kerajaan Brooke. Sehingga akhir abad ke-20, pengkaji yang mengkaji sejarah Sarawak seperti Liu Pak Kui (1989) dan Chang Pat Foh (1995) telah mengemukakan sumber baru

yang menjelaskan Kongsi Dua Belas di Bau dan pemimpin serta lain-lain perkara yang berkaitan dengan Pemberontakan Orang Cina 1857.

Walau bagaimanapun, perkara ini mempunyai kekurangannya kerana banyak perkara yang kecil tidak dapat dijelaskan. Dalam keadaan ini, penulis ingin menyorot kembali kegiatan Kongsi Dua Belas di dalam sejarah orang Cina di Kalimantan Barat untuk lebih menjelaskan keadaan pada masa itu. Masalah penubuhan Kongsi Dua Belas dan kepemimpinannya dijadikan hipotesis. Di samping itu, kuasa pentadbiran dan hubungan di antara Kongsi Dua Belas dengan Kerajaan Brooke, penulis akan mendapatkan maklumat daripada diari dan surat-surat James Brooke untuk diteliti. Walaupun dalam sumber James Brooke terdapat pandangan peribadinya, tetapi sumber yang menjelaskan keadaan penempatan orang Cina atau orang Hakka merupakan sumber sejarah yang penting. Penulis ingin menggunakan diari atau catatan harian James Brooke untuk menjelaskan hubungan awal penghijrah Hakka di Bau dengan James Brooke. Sumber maklumat ini ditambah dengan catatan orang Eropah pada awal dan akhir abad itu. Perkara ini dapat memberi gambaran tentang sejarah dan keadaan awal orang Hakka yang berada di Bau.

Buku *The Sarawak Chinese* yang ditulis oleh John M. Chin membincangkan tentang masyarakat Cina dari perspektif ekonomi sosial dan politik sejak dari awal kedatangan orang Cina hingga kepada jangka masa akhir tahun 1970-an. Lee Yong Leng melalui karyanya *Population and Settlement in Sarawak* dan artikelnya yang berjudul *The Chinese in Sarawak (and Brunei)* dalam SMJ memaparkan masyarakat Cina di Sarawak dari perspektif ciri demografi seperti populasi penduduk Cina yang ada di setiap bandar di Sarawak. Aspek corak pengagihan penduduk Cina juga turut dibincangkan yang menunjukkan orang Cina lebih cenderung untuk bertumpu di kawasan bandar.

Buku *The Chinese of Sarawak: A Study of Sosial Structure* oleh Tien Ju-kang merupakan satu hasil kajiannya yang dijalankan pada tahun 1947-1948. Kajian Tien membincangkan dengan terperinci mengenai ekonomi bandar dan luar bandar masyarakat Cina, hubung kait faktor marga (*clanship*) dengan pengenalan pekerjaan yang wujud di kalangan kumpulan dialek masyarakat Cina.

Sementara itu, Craig A. Lockard dalam bukunya *From Kampung to City: A Sosial History of Kuching 1820-1970*, turut membincangkan sumbangan orang Cina di Bahagian pertama terhadap perkembangan Bandar Kuching. Di samping itu, struktur sosial dan politik masyarakat Cina serta pengaruh dominan kumpulan dialek Hokkien, Chao-ann dan Teochew dalam aspek ekonomi, sosial dan politik masyarakat Cina turut dibincangkan. Craig A. Lockard juga menekankan penubuhan Bandar Kuching ,1841-1857, akan tetapi maklumat yang berkaitan tentang orang Cina di *Upper Sarawak* agak kurang. Kajian Daniel Chew lebih menekankan penerokaan perlombongan emas di Bau, 1800-1857 dan perubahan ekonomi di Bau, 1857-1898.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengumpul, mengkaji dan menganalisis maklumat-maklumat penting dari dokumen-dokumen dan sumber sejarah untuk meneliti penglibatan dan sumbangan orang Cina dalam pembangunan Daerah Bau dan Bandar Kuching dari segi sosioekonomi dan politik. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memperlihatkan perkembangan pengaruh orang Cina di Sarawak umumnya dan Kuching khususnya. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menjelaskan tentang perkembangan pembangunan Daerah Bau sejak abad ke-18

hingga pertengahan abad ke-19. Tambahan pula, kajian ini bertujuan memperkayakan sumber rujukan ilmiah tentang Daerah Bau dan sejarah pembangunan Daerah Bau khususnya. Seterusnya, membantu para penyelidik dan menambah pengetahuan pembaca amnya

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini adalah untuk melihat kembali sejarah perkembangan Daerah Bau. Tidak kira betapa maju dan modennya sesuatu masyarakat adalah penting untuk mengetahui atau mengenali asal-usulnya. Penduduk daerah sentiasa memerlukan masa lalunya, ataupun sejarahnya kerana masa lalu itu merupakan sebahagian daripada pengalaman diri dan masyarakatnya. Melalui pengalaman hidupnya, pengetahuan tentang masa lalu akan didapati dan membolehkan penduduk daerah ini mengenali dirinya sendiri dan tempat yang didiaminya iaitu Daerah Bau. Selain itu, dengan mengetahui masa lalu dan mencatat peristiwa yang berlaku akan memperkayakan sumbangannya terhadap sejarah. Oleh itu, tiap-tiap peristiwa penting dalam sejarah tanah air perlu direkodkan dan didokumentasikan untuk rujukan tatapan dan menjadi teladan generasi yang akan datang.

Sesungguhnya, perbuatan yang baik dan murni perlu dicontohi ataupun diteladani dan dijadikan sebagai pedoman dalam kehidupan kita. Manakala, amalan dan peristiwa sejarah tanah air yang difikirkan tidak sesuai dengan arus perubahan zaman perlu dijauhi agar ia tidak berulang pada masa yang akan datang.

Sekiranya bahan sejarah Daerah Bau ini tidak direkodkan, maka generasi muda Daerah Bau tidak dapat mengenali daerah yang dihuninya sendiri. Oleh itu, sebagai anak tempatan Daerah Bau haruslah menjalankan kajian untuk memastikan maklumat

yang disampaikan dapat dibuktikan kebenarannya. Kajian ini juga boleh dijadikan panduan oleh generasi muda untuk mengetahui keupayaan dan ketekalan nenek moyang mereka yang menerokai dan seterusnya membangunkan kawasan ini.

Dengan memahami sejarah Daerah Bau terutama sejarah perlombongan yang dijalankan di Daerah Bau diharapkan kaum muda di Daerah Bau dapat mengingati dan memelihara tapak yang bersejarah ini.

Tambahan pula, belum ada satu kajian yang memberi fokus utama dan membincangkan secara khusus tentang sejarah pembangunan di Daerah Bau sejak abad ke-19 hingga abad ke-20. Oleh itu, melalui kajian ini sejarah mengenai Daerah Bau yang banyak mewarnai sejarah Sarawak dapat diketengahkan dengan lebih menyeluruh dengan merujuk kepada maklumat yang bertaburan dalam sumber-sumber utama dan dalam kajian penulisan yang telah dilakukan oleh sejarawan tempatan dan luar negara.

Melalui penyelidikan ini, penulis berharap masyarakat umum akan memahami dengan lebih mendalam lagi mengenai peranan yang dimainkan oleh orang Cina dalam pembangunan di Daerah Bau dan seterusnya kepada Bandar Kuching.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini merangkumi asal-usul dan perkembangan Daerah Bau. Oleh kerana itu, kajian ini menyorot kembali sejauh yang mungkin ke belakang melihat bagaimana orang Cina membawa pembangunan kepada Daerah Bau dan seterusnya Bandar Kuching. Sorotan ini bukan hanya terhad kepada Daerah Bau tetapi juga sejarah awal Negeri Sarawak pada awal abad ke-19. Walau bagaimanapun, ada

kalanya peristiwa yang dibincangkan melampaui tempoh abad ke-19 untuk melengkapkan urutan peristiwa dan memberi gambaran yang lebih menyuruh.

Di samping itu, tumpuan juga akan diberikan kepada perkara-perkara berikut;

- a. Sejarah hubungan dan imigrasi orang Cina ke Sarawak sejak abad ke-19 hingga abad ke-20.

Tentang apakah benar pendapat yang menyatakan bahawa nama “Bau” adalah berasal daripada bau busuk? Dan kajian ini tertumpu kepada kumpulan dialek Cina yang terdapat di Sarawak.

- b. Pemberontakan yang dilancarkan oleh orang Cina pada tahun 1857.

Untuk mendapatkan kepastian yang pemberontakan orang Cina Bau 1857, hanya melibatkan orang-orang Cina. Oleh itu, penyelidikan ini bertujuan menunjukkan bahawa orang Cina memainkan peranan penting dalam Sejarah Bau.

- c. Kegiatan ekonomi orang Cina di Bazar Bau dan sumbangannya kepada pembangunan Bandar Kuching.

Kajian ini tertumpu kepada sejarah dan perkembangan ekonomi di Daerah Bau khasnya perlombongan dan pertanian. Selain itu, peranan yang dimainkan oleh orang Cina Hakka dalam pembangunan Daerah Bau dan Bandar Kuching juga dititikberatkan.

- d. Kesan-kesan sosial kehadiran orang Cina di Bazar Bau dan Bandar Kuching pada tahun 1841-1946.

Kajian ini memberi fokus kepada struktur sosial masyarakat, pembentukan persatuan dan pembentukan sekolah Cina di Daerah Bau dan Bandar Kuching.

- e. Meninjau politik orang Cina di Bandar Kuching 1841-1947.

Tumpuan kajian terhad hingga ke tahun 1945 iaitu di akhir pemerintahan Jepun kerana selepas itu pemerintahan Sarawak telah diserahkan kepada pihak Jabatan Kolonial British. Sarawak telah menjadi Koloni British pada Mei 1946.

1.7 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada lapan bab, termasuk bab pengenalan. Dalam bab pengenalan dijelaskan tentang masalah yang telah diselidiki, tujuan, skop dan prosedur keseluruhan kajian ini.

Bab II menjelaskan sejarah ringkas hubungan orang Cina dengan Borneo dengan merujuk kepada catatan China dan Barat. Di samping itu juga menjelaskan tentang sejarah penempatan dan pertumbuhan orang-orang Cina di Bau. Selain itu, menggambarkan secara am tentang sejarah awal Sarawak sejak awal abad ke-19 sehingga Sarawak diserahkan kepada koloni British pada tahun 1946. Selanjutnya penulis membincangkan secara umum tentang bahagian Kuching dan asal-usul nama daerah 'Bau'. Dalam bab ini, dibincangkan tentang lokasi, penduduk dan jenis pengangkutan yang terdapat di Daerah Bau. Di samping itu, bab ini juga menjelaskan tentang pekan-pekan kecil yang terdapat di Daerah Bau seperti Siniawan, Paku, Jambusan, Buso dan sebagainya.

Bab III menjelaskan serba sedikit tentang latar belakang sejarah imigrasi orang-orang Cina ke Sarawak pada abad ke-19 dan 20. Perkara ini termasuklah tentang masyarakat Cina di Sarawak secara umumnya serta penduduk Cina di Bau.

Bab IV meneliti tentang sejarah Pemberontakan Orang Cina Bau. Dalam bab ini dibincangkan tentang latar belakang masyarakat Cina dan asal-usulnya. Selain daripada itu, dibincangkan juga tentang sebab dan perkembangan pemberontakan ini. Ditinjau juga sebab kegagalan dan kesan dari pemberontakan ini terhadap masyarakat Cina di Daerah Bau.

Bab V meneliti tentang perkembangan kegiatan ekonomi orang Cina di Daerah Bau. Dalam bab ini diterangkan tentang perkembangan perlombongan mengikut zaman iaitu sebelum, semasa dan selepas Pemerintahan Brooke. Di samping itu dijelaskan serba sedikit tentang aktiviti perlombongan semasa Pendudukan Jepun dan selepas Perang Dunia Kedua. Selain itu juga meneliti tentang kegiatan ekonomi lain seperti penanaman lada hitam dan penanaman getah dan sumbangannya bagi Daerah Bau dan Bandar Kuching dari tahun 1841-1946.

Bab VI meneliti tentang kesan sosial kehadiran orang Cina di Bazar Bau dan Bandar Kuching dari segi struktur masyarakat orang Cina, pembentukan persatuan orang Cina dan pembentukan sekolah orang Cina. Bab VII meneliti tentang politik orang Cina di Bandar Kuching sejak tahun 1841-1946. Bab VIII merupakan bab penutup yang mengandungi ringkasan dan kesimpulan tentang peranan orang Cina dalam pembangunan Daerah Bau dan Bandar Kuching sejak abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20.

1.8 Kaedah Penyelidikan dan Prosedur

Penulis menghadapi masalah dalam proses mendapatkan bahan rujukan sekunder memandangkan penulisan mengenai sejarah sosioekonomi di Daerah Bau adalah terbatas. Namun penulis dapat mengatasinya dengan menggunakan

kaedah-kaedah yang berkesan. Tiap-tiap kajian ilmiah yang dijalankan memerlukan metodologi tertentu untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting dan mencari jawapan kepada masalah atau persoalan kajian yang ditimbulkan. Metodologi kajian yang dikenal pasti itu menggunakan tatacara yang bersifat saintifik.

Di dalam penyelidikan ini kaedah penganalisan deskriptif digunakan. Sumber sejarah seperti dokumen dan rekod-rekod yang berkaitan dengan tajuk kajian akan ditapis semula mengikut prosedur sejarah melalui kritikan luar dan kritikan dalam. Langkah-langkah yang diambil :

- i) Mengkaji tulisan-tulisan tentang sejarah Sarawak di Borneo.
- ii) Membuat kajian mengenai Sejarah Daerah Bau di Sarawak.
- iii) Mengkaji tulisan-tulisan yang terdahulu tentang sejarah Sarawak terutama mengenai Daerah Bau dan membuat penyelidikan mengenai asal-usul Daerah Bau di Sarawak.

Kaedah utama yang digunakan untuk menjayakan kajian ini ialah kaedah kajian kepustakaan (*library research*). Kaedah ini membolehkan data-data dan maklumat penting dikumpulkan daripada dokumen-dokumen asal, manuskrip, rekod-rekod rasmi kerajaan, jurnal-jurnal, akhbar-akhbar lama, artikel-artikel, tesis atau disertasi, buku-buku dan penerbitan-penerbitan rasmi lain yang ada kaitan dengan tajuk kajian. Langkah-langkah yang diambil ialah mengkaji rekod-rekod, dokumen-dokumen dan penulisan-penulisan yang berkaitan dengan sejarah penjajahan Sarawak, peperangan yang berlaku di antara penjajah dengan orang-orang Cina, kegiatan ekonomi dan sumbangan orang Cina di Daerah Bau dan Bandar Kuching pada abad ke-19. Dalam menjalankan kajian ini, pembacaan dan penyelidikan dijalankan di *Sarawak Museum Reference Library*, Arkib Negara Cawangan Sarawak, Perpustakaan Induk Universiti Sains Malaysia, Pustaka Negeri

Sarawak dan beberapa buah perpustakaan utama lain yang terdapat di Bahagian Kuching, dan beberapa buah perpustakaan Pusat Kegiatan Guru di Bahagian Kuching. Semua bahan-bahan dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian dijadikan sebagai sumber rujukan, sama ada sebagai sumber rujukan pertama ataupun sumber rujukan kedua. Melalui cara ini pengkaji dapat mengumpul banyak maklumat berkaitan dengan sejarah penjajahan, kegiatan ekonomi dan sumbangan orang Cina di Daerah Bau. Maklumat-maklumat ini ditapis dan dianalisis terlebih dahulu sebelum penulisan mengenai tajuk kajian dijalankan.

Kajian ini juga akan dibuat tentang perkembangan Daerah Bau dan melihat kemajuan dan perubahan-perubahan yang dilakukan dalam masyarakat Bau semasa Pemerintahan Brooke. Ini termasuklah ;

- i) mengkaji perkembangan daerah ini selepas Sarawak diperintah oleh James Brooke 1841 hingga ke Perang Dunia Kedua 1941
- ii) mengkaji perkembangan daerah ini dalam masa pemerintahan Jepun 1941-1945
- iii) mengkaji perkembangan daerah ini selepas Perang Dunia Kedua hingga ke tahun 1946 di mana Sarawak diserahkan kepada koloni British.

Di dalam membuat kajian ini, penulis tidak hanya bergantung kepada sumber kedua, iaitu hasil tulisan orang-orang yang terdahulu tentang sejarah Daerah Bau tetapi kerja lapangan juga dijalankan. Melalui kerja lapangan, beberapa lawatan ke penempatan orang Hakka yang terdapat di Daerah Bau telah dibuat untuk mendapatkan maklumat tentang perkembangan masyarakat Cina di Daerah Bau. Selain itu, penulis juga berkunjung ke tapak perlombongan, kubu-kubu lama kerajaan Brooke, tugu pahlawan negeri Sarawak di Kuching, tanah perkuburan, Bukit Belidah dan menyusuri Sungai Sarawak Kanan sehingga ke Pekan Tondong untuk melihat

sendiri dan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting sebagai pelengkap kepada maklumat-maklumat yang diperoleh dari sumber-sumber bertulis yang lain.

Kaedah lain yang turut digunakan ialah kaedah temu bual untuk mendapatkan sumber lisan. Sesi temu bual dijalankan secara bebas dengan generasi tua yang masih hidup untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting yang diceritakan secara lisan sejak turun-temurun berkaitan dengan sejarah dan kegiatan ekonomi orang Cina di Daerah Bau dan orang Cina yang melancarkan pemberontakan pada tahun 1857.

BAB DUA

HUBUNGAN ORANG CINA DENGAN BORNEO DAN SARAWAK

2.1 Catatan China

Orang China lebih awal tiba di Borneo berbanding dengan orang Barat. Dalam Catatan China,¹ Borneo dipanggil *Poni* atau *Poli* atau *Polo*. Menurut Braddell, lebih kurang pada tahun 414 Masihi, seorang sami China bernama Fa Hsien telah singgah di *Ye-po-ti*.²

Menurut catatan China, Brunei telah menghantar utusan ke China pada tahun 517, 522, 616, 630 dan 699 Masihi. Hubungan Brunei dengan negara China berterusan sehingga dinasti Sung (960-1279). Pada zaman dinasti Ming (1368-1643) hubungan China dengan Laut Selatan telah mencapai kemuncaknya. Ini kerana ramai pegawai China telah dihantar ke Laut Selatan, seperti Laksamana Cheng Ho yang telah datang ke Laut Selatan sebanyak tujuh kali (antara 1405-1433). Antara itu Cheng Ho telah singgah di Poni sebanyak dua kali.³

Bukti hubungan awal antara negara China dengan Borneo dapat diperkukuhkan lagi dengan jumpaan duit syiling China (yang bertarikh 600 S.M, 112M dan 588 M). Di samping itu, terjumpa banyak serpihan tembikar China di Muara Sungai Sarawak (Santubong). Nama Santubong sendiri juga berkaitan dengan bahasa Cina seperti

¹ Braddell, R.,(1941). An Introduction To The Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the straits of Malacca. *Journal of the Royal Asiatic Society*, Malayan Branch Vol. XIX, Part 1. Lihat James R. Hipkins, (1971). "History of The Chinese in Borneo", *Sarawak Museum Journal*, Vol.19, N0.38-39, h. 109.

² Sejarawan seperti Braddell berpendapat *Ye-po-ti* adalah merujuk kepada Borneo. Lihat James R.Hipkins, *op.cit*, h. 109.

³ Rao Shang Dong, (1984) "Sejarah Orang China Di Malaysia Timur dan Kemajuannya", dalam Ling Chooi Kwa dan Loh Cheng Sun (edit.) *The History of Chinese In Malaysia*. Published by The Federation of Alumni Association of Taiwan Universiti, Malaysia, h. 140.

dalam dialek Kheh “Santubong” bermakna “Raja Bukit”. Dalam dialek Hokkien pula, Santubong bermaksud “Babi Hutan Belantara”.⁴

Walaupun orang China telah lama mengadakan hubungan dengan Borneo terutamanya untuk menjalankan aktiviti perdagangan, akan tetapi kegiatan perdagangan ini selalu mengalami gangguan akibat daripada pelbagai faktor di negara China seperti faktor kestabilan politik, dasar kerajaan China,⁵ sifat masyarakat Cina yang tertutup dan kesukaran pelayaran pada ketika itu. Keadaan di Sarawak sendiri pada ketika itu juga tidak selamat, seperti berhutan tebal dan terdapat banyak binatang buas.⁶ Selain itu, amalan orang Dayak seperti adat “memburu kepala” (*head-hunting*) juga merupakan satu ancaman kepada imigran baru.⁷ Oleh itu, hanya pegawai kerajaan China yang menjalankan urusan dan saudagar Cina yang berani sahaja yang akan belayar ke Laut Selatan terutama ke Sarawak.⁸

2.2 Catatan Barat

Dalam buku Pigafett, *The First Voyage Round The World By Magellan* ada mencatatkan kehadiran orang Cina di Sarawak dengan terjumpanya kain sutera, duit syiling perak dan lain-lain barangan China. Hunt juga mempercayai pada tahun 1510, semasa Portugis tiba di Borneo, terdapat ramai orang Cina berada di pinggir pantai

⁴ S. Baring-Gould and C.A. Bampfylde, (1989). *A History of Sarawak under Its Two White Rajahs: 1839-1908*. Singapore: Oxford University Press, h. 37.

⁵ Kandungan kerajaan China mengamalkan dasar isolasi dan melarang rakyatnya meninggalkan negara China.

⁶ Lin Yu Tang, (1985). “Transformasi orang China di Sarawak”, dalam Li Nan Lin dan Tian Nong, *Diskusi Sejarah Masyarakat China Sarawak*. Pusat Komuniti China Bahagian Satu, Kumpulan Sejarah Sarawak, h. 65.

⁷ Craig Alan Lockard, (1987). *From Kampung to City: A Social History of Kuching Malaysia 1820-1970*. Ohio: Ohio University, h. 10.

⁸ Lin Yu Tang, *op.cit.*, h. 65.

Borneo.⁹ Pandangan ini telah diperkukuhkan lagi oleh Mr. R. Outram dalam bukunya, *Masyarakat Cina di Sarawak* yang telah mencatatkan bahawa pada tahun 1580-1840 di bahagian selatan Borneo, terdapat orang Cina yang telah lama bergiat dalam bidang perdagangan.¹⁰

Oleh itu, semasa Belanda bertapak di Banjarmasin (Borneo) pada dekad ketiga dan pertengahan abad ke-17¹¹ orang Belanda terpaksa menghadapi persaingan hebat daripada saudagar Cina kerana setiap tahun terdapat banyak tongkang China singgah di persisiran Borneo seperti di Banjarmasin untuk mendapat bahan mentah tempatan. Saudagar China juga menawarkan harga yang rendah kepada penduduk tempatan berbanding dengan orang Belanda.¹²

Walau bagaimanapun, sebelum abad ke-19, kebanyakan orang China tidak bersedia menetap di Sarawak. Tujuan kedatangan mereka adalah untuk mengumpul kekayaan secepat mungkin dan setelah berjaya, mereka akan kembali ke negara China.¹³

2.3 Penempatan Awal Masyarakat Cina di Kalimantan Barat

Catatan awal China menunjukkan hubungan China dengan Borneo telah bermula sejak dari abad ke-6 tetapi kedatangan sebilangan besar peneroka Cina ke Borneo Barat hanyalah berlaku pada pertengahan abad ke-18. Kedatangan peneroka ini dipengaruhi penemuan emas di sana dan kewujudan lombong emas yang sedia ada.

⁹ Rao Shang Dong, *op.cit.*, h. 141.

¹⁰ Liu Pak Kui, (1983). "Dua Persatuan Kongsi Hakka Yang Berpengaruh di Sarawak pada pertengahan Abad ke-19", dalam *Majalah Ulung Ulang Tahun Khas Sarawak Hakka Community Association*, h.126.

¹¹ D.G.E. Hall, (1981). *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 641.

¹² Graham Irwin, (1986). *Borneo Abad Ke-19 Belas: Kajian Mengenai Persiangan Diplomatic*, terjemahan Mohammad Nor Ghani Noraini Ismail. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 9.

¹³ Tian Nong, (1993). "Pembentukan Persatuan Masyarakat China di Sarawak" dalam *Majalah Khas Ulung Tahun ke-108 Kuching Hainan Association*, Kuching Hainan Association, h. 148.

Peneroka Cina di Borneo Barat terdiri daripada dua kumpulan utama iaitu dari keturunan (*descendants*) para pedagang atau pengembara yang pernah sampai di kawasan Borneo dan orang China kacukan yang ibunya merupakan penduduk bumiputera. Kumpulan yang kedua pula merupakan imigran dari daerah persisiran wilayah Kwangtung dan Fukien di China Selatan.¹⁴ Kumpulan ini telah meninggalkan tanah air mereka demi mencari kehidupan baru dan mereka ini tidak mempunyai niat atau cita-cita untuk menakluki kawasan baru. Imigran Cina hanya datang untuk mencari kekayaan dengan melombong emas dan jika mereka gagal dalam bidang perlombongan maka mereka akan berpaling kepada pilihan yang kedua, iaitu mendapat konsesi tanah untuk penanaman lada dan makanan.

Bilangan imigran Cina semakin meningkat dan petempatan mereka bertaburan dari pekan persisiran Sambas, Pontianak dan Mempawa hinggalah ke kawasan pedalaman Montrado, Lag Mandor,¹⁵ Buna, Sekanda, dan Sintang di bahagian Kalimantan Barat. Menjelang abad ke-19, jumlah penduduk Cina di Borneo Barat dianggarkan 150,000 orang, dengan 90,000 orang bekerja sebagai pelombong emas.¹⁶ Angka tersebut menunjukkan pekerjaan utama orang Cina ialah melombong emas. Adalah tidak menghairankan ini terjadi memandangkan tujuan utama kedatangan mereka adalah untuk mencari kekayaan. Penduduk yang selebihnya pula melibatkan diri dalam kegiatan pertanian. Aktiviti perlombongan emas bertambah maju bila perlombongan secara besar-besaran dijalankan oleh kongsi¹⁷ Cina yang menggaji beribu-ribu orang pekerja Cina sebagai buruh.

¹⁴ John M. Chin, (1981). *The Sarawak Chinese*. Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 13.

¹⁵ Lag Mandor adalah sebuah pekan yang berdekatan dengan Pontianak di mana pusat pentadbiran Lang Fang's central government terletak di situ.

¹⁶ John M. Chin, *op.cit.*, h. 14.

¹⁷ Istilah Kongsi mulai digunakan pada tahun 1770-an. Konsep perkongsian dan hubungan persaudaraan amatlah dipentingkan, ahli jawatankuasa kongsi dipilih oleh ahli kongsi. Tempoh pelantikan jawatan adalah untuk empat tahun. Hal kewangan pula diuruskan oleh beberapa orang kerani yang dilantik, iaitu *ts'ai-ku*, mandur (*guo-chang*) pula bertanggungjawab mengawasi pekerja lombong. Demi

Walaupun kebanyakan orang Cina menceburi aktiviti perlombongan emas namun kumpulan peneroka ini juga mengerjakan pertanian. Semua imigran dari negara China datang dari latar belakang pertanian, terutama sekali orang Cina dari puak Hakka. Orang Hakka yang berada di Borneo Barat membentuk hampir keseluruhan masyarakat Cina di kawasan perlombongan emas di Kalimantan Barat. Imigran yang baru sampai sama ada bekerja sendiri atau menyertai kongsi, pada kebiasaannya akan mengerjakan tanah dengan menanam tanaman bagi memastikan mereka akan senantiasa mendapat bekalan makanan yang mencukupi.¹⁸

Apakah sebenarnya sistem kongsi yang diorganisasikan oleh orang Cina? Sistem kongsi perlu dibincangkan di sini bagi membolehkan kita memahami sebab berlakunya penghijrahan penduduk Cina Borneo Barat ke Bau, Sarawak. Tujuan asas kongsi Cina diasaskan adalah untuk menjaga kepentingan dan kebajikan orang Cina. Kongsi merupakan satu organisasi masyarakat yang mempunyai sistem pentadbiran yang tersendiri dan beroperasi dengan berlandaskan peraturan kongsi yang telah ditetapkan. Sehingga tahun 1820, kongsi Cina berjaya mendirikan sebanyak 13 buah lombong emas yang besar dan lombong yang kecil pula berjumlah sebanyak 57 buah. Kebanyakan lombong itu terletak di kawasan sekitar Montrado dan dikuasai oleh kumpulan Kongsi *Ta Kang*.¹⁹

Mengikut John M. Chin dalam bukunya, *The Sarawak Chinese* berkemungkinan besar pelombong dan penduduk Cina membentuk kongsi-kongsi agar mereka bergabung di bawah satu pertubuhan yang sama untuk melindungi kepentingan

memupuk semangat bersama, pemimpin tinggal bersama dengan pekerja di dewan rumah kongsi yang merupakan tempat tinggal. Lihat Daniel Chew, (1990). *Chinese Pioneers On The Sarawak Frontier 1841-1941*. Singapore: Oxford University Press, h. 20.

¹⁸ Victor Purcell, (1965). *Malaysia*. London: Thomas and Hudson Ltd., h.159.

¹⁹ John M. Chin, *op.cit.*, h. 23.